

'PM berusaha kura

UM - 3 APR 2000

SEPANG 2 April — Kerajaan akan berbincang dengan pengurusan Sepang International Circuit Sdn. Berhad (SIC) untuk mengirangkan harga tiket bagi membolehkan lebih ramai rakyat tempatan menyaksikan kejohanan-kejohanan sukan bermotor di Litar F1 Sepang di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan berunding sendiri dengan Pengerusi SIC, Tan Sri Basir Ismail untuk tujuan itu.

Bagaimanapun beliau

meminta rakyat Malaysia tidak melihat harga tiket sebagai satu masalah utama, sebaliknya memandag pelaburan kerajaan membina litar itu dari satu sudut yang lebih luas.

Katanya, rakyat perlu memandag pembinaan litar itu dari segi keuntungannya kepada negara terutama dalam membara masuk pelancong, kewujudan peluang-peluang pekerjaan dan juga nilai iklan menerusi siaran langsung ke seluruh dunia.

"Kalau kita mengambil dari segi pulangan iklan

supaya dunia kenal Malaysia, saya anggap bahawa ia melebihi RM2 bilion kerana kalau kita hendak menunjukkan satu gambar promosi Malaysia menerusi televisyen Jepun, misalnya untuk satu minit, kita perlu bayar RM1 juta.

"Tetapi (dengan mengemukakan acarasukan), kita dapat menunjukkan gambar Sepang dan mengiklankan tentang Malaysia berkali-kali dan berjam-jam kepada lebih 600 juta orang," katanya ketika mengulas rungutan sebahagian peminat

lumba motosikal berhubung harga tiket kejohanan itu yang dikatakan terlalu tinggi.

Beliau menyatakan demikian ketika ditemui selepas merasmikan Kejohanan Lumba Motosikal Grand Prix Malaysia di Litar F1 Sepang hari ini.

Dr. Mahathir berkata, selain mendapat manfaat pengiklanan, Malaysia juga memperoleh pendapatan melalui perbelanjaan para pelancong yang datang ke negara ini.

"Pada Kejohanan Formula One lalu, lebih RM500 juta dibelanjakan

ngkan harga tiket

oleh pelancong luar dan hari ini, saya mendapat tahu kita sudah mendapat tempahan untuk Formula One sebanyak RM15 juta dari segi tiket dan hotel," katanya.

Beliau berkata, dengan hanya melabur sebanyak RM280 juta untuk membina Litar F1 Sepang iaitu cuma dua kali ganda perbelanjaan promosi pelancong selama dua tahun, Malaysia mendapat manfaat yang cukup besar.

Sehubungan itu beliau membidas pembangkang yang sentiasa menyifatkan projek-projek kerajaan

sebagai membazir tanpa memandagnya dari sudut kepentingan kepada negara.

"Bagi pembangkang, semuanya membazir. Yang tidak membazir ialah bila dia masuk ke dalam masjid yang kita bina, dia maki kita. Itu tak membazir," katanya.

Mengenai kerjasama Malaysia dalam membangunkan enjin termasuk enjin motosikal Modenas KR3, Perdana Menteri berkata, ia adalah bukti bahawa Malaysia kini mula menguasai teknologi mereka bentuk dan mengeluarkan enjin.

Katanya, kecekapan tersebut tidak wujud di negara ini suatu masa lalu tetapi melalui kewujudan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) dan kerjasama dengan beberapa pihak termasuk Kenny Roberts, Lotus dan Mitsubishi, Malaysia kini berupaya mengeluarkan enjin.

Malah kata beliau, Malaysia juga kini telah dianggap sebuah tempat yang luar biasa dalam mereka bentuk dan mengeluarkan enjin terutama kerana kos yang rendah.

"Orang kita mempunyai kecekapan. Jadi kita perlu cari manfaat terbesar daripada kerjasama ini," katanya.

Semasa menyaksikan kejohanan itu hari ini, Dr. Mahathir juga telah ditunjukkan enjin motosikal Modenas KR3 yang dibangunkan oleh jurutera tempatan bersama kepakaran Kenny Roberts Motor Sports.

Enjin tersebut digunakan oleh David De Gea dari pasukan Proton KR dalam perlumbaan bagi kelas 500cc pada kejohanan itu.